

Eco Dusun galak penduduk bertani

CYBERJAYA 1 Ogos - Impian dan hasrat penduduk Clover Garden Residence, di sini untuk melihat sebuah kebun pelbagai jenis pokok buah-buahan diwujudkan di kawasan perumahan mereka akhirnya tercapai.

Ini selepas Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) dengan kolaborasi Badan Pengurusan Bersama (JMB) Clover Garden Residence dan Kumpulan Mah Sing melancarkan Program Eco Dusun Komuniti.

Timbalan Yang Dipertua MP-Sepang, Muhammad Hafiz Shaari berkata, program menanam pokok buah-buahan dalam taman itu merupakan aktiviti pertanian oleh komuniti perumahan untuk menggalakkan pengeluaran makanan tempatan.

"Sebanyak 1,500 batang pokok antaranya pokok durian, mangga, limau, jambu air, kopi, cili padi dan pokok herba ditanam di kawasan ini di bawah Program Local Agenda 21 MP-Sepang.

"Usaha murni ini merupakan satu inisiatif penghijauan dan langkah yang sangat proaktif bagi meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan penyertaan masyarakat untuk lebih menghargai alam sekitar," katanya ketika berucap dalam majlis pelancaran Eco Dusun Clover Garden Residence di sini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Cyberjaya, Tengku Datuk Dr. Jamaluddin Tengku Mahmud Shah; Pengerusi JMB Clover Garden Residence, Leor Loke dan Pengurus Pusat Keutungan Pembangunan Perbandaran Kumpulan Mah Sing, Angela Chong.

Berhubung pelaksanaan dan penjagaan pokok tersebut, katanya, usaha itu akan diteruskan oleh penduduk setempat manakala pihaknya bertindak memantau perkembangan tersebut.

Beliau berkata, program yang dilaksanakan di kawasan yang mempunyai 231 unit rumah itu menjadikannya sebagai kawasan keempat selepas diperkenalkan sejak empat tahun lalu.

"Pihak kami juga komited untuk memperluaskan program ke setiap kawasan di daerah ini

dalam usaha melestarikan kawasan alam sekitar selain menjaga pembangunan ekonomi negara," katanya.

Katanya lagi, Eco Dusun Komuniti yang menyamai Program Kebun Kejiranan itu adalah hasil cetusan idea penduduk untuk memastikan kawasan tersebut dapat dipelihara serta menjamir kelestarian alam sekitar.



Usaha murni ini merupakan satu inisiatif penghijauan dan langkah yang sangat proaktif bagi meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan penyertaan masyarakat untuk lebih menghargai alam sekitar."

MUHAMMAD HAFIZ SHAARI
Timbalan Yang Dipertua MP-Sepang



MUHAMMAD HAFIZ SHAARI menanam pokok mangga sebagai simbolik perasmian Eco Dusun Komuniti di Clover Garden Residence, di Cyberjaya, baru-baru ini. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN